

**KAJIAN POTENSI KAWASAN PERKELAHAN SUNGAI TUA
SEBAGAI KAWASAN
REKREASI PINGGIR BANDAR
KAJIAN KES : SUNGAI TUA, GOMBAK**

Oleh

AFFENDEI BIN SAMINGAN

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

MAC 1998

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah , Tuhan yang maha esa kerana dengan kurniaNya dapat saya melaksanakan kajian ini dengan selamatnya walaupun terpaksa menghadapi berbagai masalah. Di kesempatan ini inginlah saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu tertentu yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada saya di sepanjang saya melaksanakan kajian ini. Terlebih dahulu disini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Kajian Akhir saya iaitu Dr. Rustam Abbas yang telah banyak memberikan perhatian serta panduan kepada saya bagi menghasilkan kajian ini walaupun beliau sentiasa sibuk dengan tugasannya sebagai Dekan di Fakulti ini

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah lain yang telah turut memberikan sumbangan sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurnanya. Kepada kakitangan-kakitangan di Jabatan Perancang Majlis Perbandaran Selayang Encik Johari, Puan Norzita yang banyak memberikan kerjasama serta membantu untuk mendapatkan maklumat sedikit sebanyak telah menjayakan lagi perlaksanaan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan-kakitangan di lain-lain jabatan seperti di Pejabat Tanah Gombak, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) , penduduk-penduduk di sekitar kawasan kajian dan juga kepada semua

ABSTRAK

Malaysia pada hari ini dengan pembangunan ekonomi yang meningkat dengan pelbagai kemajuan telah menjadikan ketidakseimbangan di antara aspek fizikal dan rekreasi. Ini telah memberikan kesan yang kurang baik kepada perjalanan ekosistem bumi yang mana kian hari tahap kepanasanya meningkat di dalam bandar. Hari ini keseimbangan itu perlulah diberikan penekanan. Ini adalah kerana memandangkan manusia masih memerlukan aspek yang menjadi keperluan di dalam kehidupan manusia untuk mendapatkan ketenangan dari kehidupan harian yang sentiasa sibuk di hutan batu yang penuh dengan berbagai pencemaran udara dan sebagainya. Kawasan rekreasi adalah merupakan kawasan yang mampu memenuhi kehendak manusia di dalam mengurangkan tekanan, kebosanan atau sebaliknya iaitu memberi ilham serta idea-idea yang bernas kepada manusia. Tahap permintaan yang wujud di dalam bandar pada hari ini juga tidak mampu dipenuhi oleh kemudahan kawasan rekreasi sedia ada memandangkan jumlah yang disediakan hanyalah sedikit sahaja. Ini amatlah berbeza jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan rekreasi di pendalaman seperti di kampung-kampung yang berhampiran dengan hutan-hutan simpan di mana kawasan rekreasinya yang asli mampu memberikan kepuasan kepada mereka yang ingin berekreasi. Masalah ini telah timbul kepada mereka-mereka di kawasan bandar untuk mendapatkan kawasan seperti itu memandangkan-kebanyakannya tempat rekreasi yang wujud di dalam bandar adalah dihasilkan oleh manusia seperti di Taman Tasik Titiwangsa, Tasik Perdana, Taman Tasik Permaisuri dan sebagainya. Banyak kajian telah menunjukkan manusia lebih gemar beriadah ke tempat-tempat yang berunsurkan semulajadi seperti di sungai-sungai, jeram dan sebagainya. Ini secara tidak langsung kawasan rekreasi pinggir bandar perlulah dikenalpasti bagi memenuhi permintaan. “Kajian Potensi Kawasan Perkelahan Sungai Tua Sebagai Kawasan Rekreasi Pinggir Bandar” ini akan cuba mengenalpasti potensi yang ada di kawasan kajian ini bagi mengeksplorasikan kawasan rekreasi pinggir bandar ini kepada masyarakat di kota untuk mendapat kemudahan rekreasi. Di samping itu beberapa faktor akan dikaji sebagai tarikan kepada imej kawasan kajian. Melalui kesemua ini maka satu cadangan akan dibentuk sebagai menjadi satu daripada syarat untuk melengkapkan perlaksanaan kajian ini dijalankan.

Penghargaan	i
Abstrak	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Singkat Kata	xiv

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Masalah	3
1.2	Matlamat	4
1.3	Objektif	4
1.4	Skop Kajian	5
1.5	Methodologi Kajian	6
1.6	Jangkamasa Kajian	8
1.7	Carta Alir Kerja	9
1.8	Rumusan	10

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pembangunan ekonomi yang kian meningkat maju telah mendorong kepada perkembangan pertumbuhan negara. Walaubagaimana pun pertumbuhan negara yang maju sahaja tidak cukup jika tiada keseimbangan dari aspek pembangunan rekreasi. Ini adalah kerana manusia pada hari ini masih memerlukan aspek yang di maksudkan tadi dimana ia merupakan salah satu daripada keperluan di dalam kehidupan manusia untuk mendapatkan ketenangan, melapangkan fikiran yang kusut dengan kehidupan yang sibuk di kota dan disamping itu juga dapat beriadah. Kawasan rekreasi yang memainkan peranan sebagai kawasan untuk beriadah juga sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan atau memberi ilham kepada manusia yang datang di kawasan rekreasi ini.

Ia adalah berbeza jika dibandingkan dengan penduduk di luar bandar dimana mereka sangat mudah untuk mendapatkan kemudahan rekreasi ini, ia adalah kerana kawasan-kawasan rekreasi seperti ini kebanyakannya terletak dikawasan-kawasan pendalaman seperti di kampung-kampung dan di kawasan yang berhampiran dengan hutan-hutan simpan dan sebagainya. Bagi mereka-mereka yang menetap di kawasan bandar pula menghadapi masalah untuk mencari kawasan-kawasan rekreasi seperti